

1. _____ kah kamu tidak hadir pada majlis suai kenal murid baharu semalam?

- ☐ A Bila
- ☐ B Berapa
- ☐ C Mengapa
- ☐ D Bagaimana



2. Ishak hanya mendapat tempat _____ dalam acara larian itu tetapi bapanya tetap berbangga akan Ishak.

- ☐ A satu
- ☐ B kedua
- ☐ C pertama
- ☐ D ketiga-tiga

3. Akashah rajin mengulang kaji pelajaran _____ kejayaan pada masa depan.

- ☐ A bagi
- ☐ B demi
- ☐ C kepada
- ☐ D dengan

4. _____, pilunya hatiku ini mengenangkan nasibku yang tidak menentu!

- ☐ A Eh
- ☐ B Oh
- ☐ C Cis
- ☐ D Aduhai

5. Sikap _____ pengguna jalan raya yang tidak mengendahkan peraturan menjadi penyebab kepada peningkatan kemalangan jalan raya di negara ini.

- ☐ A pertama
- ☐ B pelbagai
- ☐ C setengah
- ☐ D sesetengah

6. Dewan sekolah itu telah bertukar wajah _____ warna putih _____ warna biru selepas dicat baharu semasa program gotong-royong pada minggu lepas.

- ☐ A di ... ke
- ☐ B dari ... kepada
- ☐ C daripada ... pada
- ☐ D daripada ... kepada

7. "_____ sambutan Hari Kebangsaan di Putrajaya. Sekalian rakyat berbilang kaum berkumpul bersama-sama," kata Elina kepada Siew Ying.

- ☐ A Meriahnya
- ☐ B Besarnya
- ☐ C Indahya
- ☐ D Gigihnya

8. Puan Sheena bekerja sebagai pembantu tadbir _____ pejabat kerajaan sejak 15  yang lalu.

- ☐ A di
- ☐ B ke
- ☐ C dari
- ☐ D pada

9. Layang-layang yang putus tali itu tersangkut _____ tiang telefon di tepi jalan itu.

- ☐ A ke
- ☐ B oleh
- ☐ C pada
- ☐ D kepada

10. Hazwani berasa amat gembira _____ permohonannya untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia telah diluluskan.

- ☐ A selagi
- ☐ B ketika
- ☐ C kerana
- ☐ D supaya

11. Dia tidak akan bertindak _____ jika kamu tidak memulakannya dahulu.

- ☐ A saling
- ☐ B selalu
- ☐ C begini
- ☐ D sentiasa

12. Amirul terkecuai daripada didenda oleh guru disiplin kerana dia _____ terlibat dalam pertengkarannya itu.

- ☐ A pernah
- ☐ B bukan
- ☐ C masih
- ☐ D tidak


13. Pakaian yang dibeli oleh Amir semalam _____ selesa apabila dipakai ketika musim sejuk.

- ☐ A nian
- ☐ B betul
- ☐ C benar
- ☐ D sungguh

14. Shamil _____ dapat pulang beraya di kampung kerana dia terpaksa pergi ke Dubai.

- ☐ A tidak
- ☐ B ialah
- ☐ C bukan
- ☐ D adalah

15. Penantian selama _____ lamanya untuk bertemu dengan ibu bapa di kampung a _____ ya berakhir setelah Perdana Menteri mengumumkan kebenaran merentas negeri.



- ☐ A berabad-abad
- ☐ B berbulan-bulan
- ☐ C berbagai-bagai
- ☐ D berpuluh-puluh

16. "_____ ladang tanaman serai yang diusahakan oleh Encik Mokhzani ini," kata Amir sambil mengagumi pemandangan itu.

- ☐ A Luasnya
- ☐ B Rajinnya
- ☐ C Tingginya
- ☐ D Rendahnya

17. Encik Saufi berasal _____ Kuala Linggi dan kini menetap di Kuala Kangsar sejak dia berkahwin dengan pilihan hatinya.

- ☐ A di
- ☐ B ke
- ☐ C dari
- ☐ D pada

18. Di dalam kelas itu, _____ Faisal yang belum menghantar kerja sekolah Matematik.

- ☐ A lagi
- ☐ B pun
- ☐ C juga
- ☐ D hanya

19. Meghan terpaksa berkata _____ kerana dia tidak mahu Yani terus menaruh harapan yang tinggi.

- ☐ A nyaris
- ☐ B begitu
- ☐ C mungkin
- ☐ D langsung

20. "_____, ambillah barang-barang kamu ini semula! Aku tidak memerlukannya lagi," kata Mayuni.

- ☐ A Ah
- ☐ B Eh
- ☐ C Nah
- ☐ D Aduh